

# Guna kepakaran di IPTA

► Saran kepada pengusaha kecil untuk membantu proses penghasilan produk

UB 1.11.2013 A6

Oleh SURAIYAH ROSLAN

utusanborneokk@gmail.com

**KOTA KINABALU:** Pengusaha-pengusaha kecil di negeri ini disarankan agar menggunakan kepakaran yang ada di institut pengajian tinggi awam (IPTA) termasuk Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk membantu dalam proses penghasilan produk mereka.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr Shahril Yusof berkata, melihat kerajaan banyak melabur dari segi menyediakan tenaga pakar di IPTA, pengusaha-pengusaha kecil ini harus menggunakan peluang dan kepakaran yang ada itu untuk mendapatkan khidmat nasihat bagi mendapatkan maklumat mengenai produk yang mereka hasilkan.

Sekiranya pengusaha kecil ingin memasarkan produk mereka ke pasaran antarabangsa, mereka perlu memenuhi pawaiuan yang ditentukan dan untuk itu, mereka memerlukan khidmat pakar bagi membantu mereka.

Jelasnya, pengusaha-pengusaha ini juga sebenarnya boleh bekerjasama dengan pihak

UMS untuk mengenalpasti tahap keselamatan produk mereka.

Beliau berkata kepada pemberita semasa sidang media sempena Majlis Perasmian Penutupan Windows to the World 2: Persidangan Antarabangsa mengenai Keusahawanan (ICEE) 2013, di 1Borneo Hypermall, di sini kelmarin.

Shahril berkata dari segi pemasaran produk juga, pihak universiti melalui bahagian kewangan dan pemasaran boleh membantu mereka dengan memberi nasihat mengenai strategi pemasaran yang baik.

Dengan itu, beliau menyarankan pengusaha atau usahawan kecil di negeri ini agar menggunakan sepenuhnya peluang dan kepakaran yang disediakan di universiti bagi membantu proses pengeluaran produk mereka.

Menyentuh mengenai usaha menandatangani Surat Hasrat Bekerjasama antara Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan UMS itu, Shahril berharap melalui kerjasama itu, ia akan membantu kedua-dua pihak bertukar pendapat dan penemuan yang akan membantu kepada pembangunan keusahawanan.

“Melihat kerajaan banyak melabur dari segi menyediakan tenaga pakar di IPTA, pengusaha-pengusaha kecil ini harus menggunakan peluang dan kepakaran yang ada itu untuk mendapatkan khidmat nasihat bagi mendapatkan maklumat mengenai produk yang mereka hasilkan,”

**PROF DR SHAHRIL YUSOF**

*Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)*

Katanya, pihak universiti berperanan penting dalam membantu meningkatkan pengetahuan ke arah pembangunan ekonomi domestik. Oleh itu, pemilihan tema persidangan kali ini, ‘Glocal Entrepreneurs: The Quest for Success’, adalah tepat bagi membincangkan perkara yang berkaitan dengan inovasi, tren semasa, pengalaman dan isu berkaitan keusahawanan.

Manakala Timbalan Ketua Pengarah Mara, Datuk Hanisah Omar berkata persidangan itu mencatatkan penyertaan paling ramai di kalangan usahawan Mara.

Ia merupakan platform yang baik untuk kahli akademik dan usahawan yang berjaya dari seluruh negara untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman.

“Saya percaya melalui persidangan ini, ia akan mengalakkan hubungan rangkaian kerjasama antara usahawan baharu dan yang sedia ada,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kemajuan Luar

Bandar dan Wilayah Datuk Alexander Nanta Linggi berkata melalui Belanjawan 2014, kementerian itu telah menerima peruntukan sebanyak RM4.1 bilion untuk pembangunan dan lebih RM5 bilion untuk pengurusan.

Ketika ditanya mengenai projek yang bakal dilaksanakan di Sabah melalui peruntukan yang diberi itu, beliau berkata KKLW akan fokus kepada pembangunan infrastruktur meliputi bekalan air dan elektrik di kawasan luar bandar, jalan luar bandar dan jalan kampung.

Sememangnya, tumpuan pelaksanaan projek adalah di kawasan luar bandar yang terletak di Sabah dan Sarawak, katanya.

Walau bagaimanapun katanya, KKLW tidak hanya memfokuskan kepada pembangunan kawasan luar bandar sahaja, sebaliknya kementerian itu juga turut memberi fokus kepada pembangunan modal insan melalui agensi dibawah KKLW termasuk Mara.